



**MINIT MESUARAT  
JAWATANKUASA KUALITI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)  
KALI KE-50  
SECARA ATAS TALIAN**

Tarikh : 18 Februari 2021 (Khamis)  
Masa : 9.00 pagi – 11.46 pagi  
Platform : Secara atas talian melalui Aplikasi Zoom Meeting  
Kehadiran : Sepertimana di **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 50.0	<p><b>Kata Aluan Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-50 ini.</p> <p>(b) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan TWP merangkap ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baru, iaitu:</p> <p>(i) Encik Abdul Rahim Utar, dilantik selaku Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) bermula pada 27 Januari 2021;</p> <p>(ii) Encik Muhammad Adil Ahmad Tajuddin, dilantik selaku TWP PP Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) bermula pada 15 Januari 2021;</p> <p>(iii) Encik Helmi Azro Mohd Hassan, dilantik selaku TWP PP Taman Pertanian Universiti (TPU) bermula pada 19 Januari 2021;</p> <p>(iv) Encik Noor Hakim Ahmad, dilantik selaku TWP PTJ UPM Kampus Bintulu (UPMKB) bermula pada 15 Disember 2020;</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

<b>MINIT</b>	<b>AGENDA</b>	<b>TINDAKAN</b>
	<p>(v) Encik Mohd Radzi Mahidin, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB) bermula pada 1 Februari 2021;</p> <p>(vi) Puan Zainor Mazwin Zainal, dilantik selaku TWP PTJ Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) bermula 21 Disember 2020;</p> <p>(vii) Encik Mustapha Kamal Tahir, dilantik selaku TWP PTJ Institut Teknologi Maju (ITMA) bermula 1 Februari 2021; dan</p> <p>(viii) Encik Mohd Junaidi Yasin, dilantik selaku TWP PTJ Institut Kajian Perladangan (IKP) bermula 1 Februari 2021.</p> <p>(c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan Ahli Jawatankuasa Kualiti berikut:</p> <p>(i) Encik Muhamazam Mansor, mantan PRJU yang telah berkhidmat bagi tempoh 27 September 2016 hingga 03 Januari 2021;</p> <p>(ii) Puan Nariza Mohd Elias, mantan TWP PP PPUU yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 Januari 2020 hingga 14 Januari 2021;</p> <p>(iii) Tuan Haji Abdul Ghaffar Othman, mantan TWP PP TPU yang telah berkhidmat bagi tempoh 3 April 2015 hingga 2 Januari 2021;</p> <p>(iv) Encik Sudirman Asmadi, mantan TWP PTJ UPMKB yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 Januari 2015 hingga 14 Disember 2020;</p> <p>(v) Almarhum Tuan Haji Suhaifi Sulaiman, mantan TWP PTJ FBSB yang telah berkhidmat bagi tempoh 19 Mac 2020 hingga 9 Januari 2021 (Al fatihah);</p> <p>(vi) Encik Zamre Yaacob, mantan TWP PTJ IPSAS yang telah berkhidmat bagi tempoh 1 Oktober 2014 hingga 20 Disember 2020;</p> <p>(vii) Encik Din Ayob, mantan TWP PTJ ITMA yang telah berkhidmat bagi tempoh 4 Oktober 2013 hingga 31 Januari 2021; dan</p> <p>(viii) Encik Mustapha Kamal Tahir, mantan TWP PP IKP yang telah berkhidmat bagi tempoh 1 Julai 2019 hingga 31 Januari 2021.</p>	<b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 50.1	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-49</b></p> <p>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-49 yang telah diadakan pada 17 Disember 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	<b>Makluman</b>
Minit 50.2	<p><b>Perkara Berbangkit</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-49 seperti mana pada <b>Lampiran Agenda 3</b> yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) <u>Minit 49.4 (d)</u> - Mesyuarat meminta peneraju/PTJ yang menerima OFI Audit SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2020 tetapi masih belum memberikan maklum balas tindakan OFI kepada pihak CQA agar dapat mengambil tindakan segera sebelum/selewat-lewatnya pada 26 Februari 2021.</li> <li>(b) <u>Minit 49.8 (e)</u> - meminta Peneraju dan semua PTJ mengambil perhatian dan mengenalpasti tindakan yang berkesan berhubung Statistik Pencapaian 18 Mata CPD (3 hari) Latihan Staf (Bukan Akademik) UPM 2020 dengan pencapaian kehadiran 93.73%, manakala 0.29% tidak mencapai jumlah mata CPD/hari minimum latihan yang ditetapkan, dalam memastikan sasaran pencapaian kehadiran 100% pada tahun 2021 dapat dicapai.</li> <li>(c) <u>Minit 49.10.1 (c)</u> - meminta semua PTJ mengambil maklum terdapat pindaan pada Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2021 khasnya bagi aktiviti Audit Dalaman QMS &amp; ISMS UPM dan Audit SIRIM manakala program Majlis Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM adalah bergantung kepada faktor situasi semasa yang kini masih dalam tempoh PKP/PKPB. Takwim terkini boleh dirujuk menerusi Portal e-ISO.</li> </ul>	<b>TWP</b> <b>B.AKAD, SPS,</b> <b>CADe, FBMK</b> <b>&amp; UPMKB</b>  <b>PLS UPM</b> <b>&amp; TWP PP,</b> <b>TWP PTJ</b>  <b>Makluman</b>
Minit 50.3	<p><b>Laporan Dokumentasi</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mengambil maklum laporan dokumentasi adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 4</b> yang dibentang merangkumi perkara berikut:</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Cadangan Pindaan Dokumen Skop Pengurusan;</li> <li>(ii) Pemantauan Dokumen Belum Pinda Tahun 2016 hingga 2017; dan</li> </ul>	<b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(iii) Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Dokumen ISO Tahun 2021.</p> <p>(b) mengambil maklum perubahan ke atas dokumen skop pengurusan QMS iaitu Manual Kualiti (UPM/PGR/MK) pada perkara 7.4 (Komunikasi) dibuat mengambilkira tambahan kaedah komunikasi yang diguna pakai di UPM terutamanya sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/ Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).</p> <p>(c) meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan Manual Kualiti (UPM/PGR/MK) yang akan mula dikuatkuasakan pemakaianya pada 26 Februari 2021.</p> <p>(d) mengambil maklum dan perhatian bahawa Pusat Jaminan Kualiti akan membuat pemantauan berkala bagi pengemaskinian 193 dokumen ISO QMS dan ISMS yang belum dipinda dari tahun 2016 hingga 2017 dengan sasaran peratusan dokumen siap dipinda oleh peneraju proses seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kuatkuasa Pertama 2021 (26 Februari 2021) – 30%;</li> <li>(b) Kuatkuasa Kedua 2021 (25 Jun 2021) – 70%; dan</li> <li>(c) Kuatkuasa Ketiga 2021 (13 Ogos 2021) – 100%.</li> </ul> <p>(e) meminta peneraju proses terlibat menyemak dokumen belum pinda 2016 hingga 2017 dan membuat keputusan mengikut kesesuaian sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) <b>Dokumen dikekalkan</b> sekiranya tiada perubahan pada isi kandungan dan masih relevan dengan pelaksanaan semasa;</li> <li>(ii) <b>Dokumen digabungkan</b> jika berlaku pertindihan fungsi/proses dengan dokumen lain; dan</li> <li>(iii) <b>Dokumen digugurkan</b> sekiranya tidak lagi digunakan/tidak relevan dengan pelaksanaan semasa.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>PKD</b></p> <p><b>PKD, TWP PP PNC, TNCAA, TNCPI, TNCHEPA, TNCJINM, SPS, P. PEND, P. BURSAR, PPPA, PKU, BKU, iDEC, CADe, CALC, FPV, PSAS, PIU</b></p> <p><b>Semua TWP PP yang dinyatakan di Minit 50.3 (d)</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(f) meminta semua peneraju proses mengambil perhatian dan tindakan bersama berhubung cadangan penambahbaikan pengurusan dokumentasi ISO yang merangkumi tiga (3) perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) <b>Pengurangan jumlah dokumen terkawal</b> melalui pelaksanaan Dokumen Berasaskan Pengguna (User Based Documentation) dengan fasa pertama pelaksanaannya menfokuskan kepada skop Pengajian Prasiswazah. Selain daripada itu, pengurangan dokumen juga boleh dilaksana melalui penggabungan dokumen yang bertindih fungsi/skop dan pengguguran dokumen yang tidak lagi relevan dengan pelaksanaan semasa;</li> <li>(ii) <b>Pendigitalan Dokumen (Paperless document)</b> yang menekankan kepada penyediaan dan penyimpanan fail secara maya melalui <i>google drive</i> atau kaedah penyimpanan maya lain seumpamanya, penyimpanan rekod secara salinan lembut dan penggunaan sepenuhnya borang secara atas talian (melalui sistem) tanpa perlu dicetak jika tiada keperluan; dan</li> <li>(iii) <b>Dwibahasa Dokumen ISO</b> yang telah dilaksanakan bagi fasa pertama untuk dokumen Skop Proses Utama Prasiswazah, Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi serta Skop Sokongan Pejabat Pendaftar dan Pejabat Bursar akan diperluaskan ke fasa kedua bagi skop sokongan/operasi perkhidmatan sokongan lain yang berkeperluan. Bagaimanapuan, perluasan ini akan dilaksana selepas selesai pelaksanaan projek Dokumen Berasaskan Pengguna.</li> </ul> <p>(g) turut mengambil maklum perkara berkaitan pemantauan dokumen belum pinda dan penambahbaikan dalam pengurusan dokumen ISO telah dibentangkan kepada semua Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) melalui Taklimat Pemantapan Dokumentasi ISO yang diadakan pada 4 Februari 2021.</p>	<b>KB PKP, PKD, TWP PP</b>
Minit 50.4	<p><b>Laporan Audit</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan audit ISO yang merangkumi pelaporan status penutupan penemuan Audit Dalaman QMS dan ISMS UPM Tahun 2020 dan pelaksanaan Audit</p>	<b>Makluman</b>  <b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																															
	<p>Dalaman QMS dan ISMS Pusat Tanggungjawab Tahun 2021 adalah seperti mana <b>Lampiran Agenda 5</b> yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum status penutupan penemuan Audit Dalaman QMS dan ISMS UPM Tahun 2020 sehingga 15 Februari 2021 adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">ISO</th> <th rowspan="2">Kategori</th> <th colspan="3">Status</th> <th rowspan="2">JUMLAH</th> </tr> <tr> <th>Tutup</th> <th>Belum Tutup (dalam tempoh)</th> <th>Belum Tutup (lebih tempoh)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">QMS</td> <td>NCR</td> <td>108 (57%)</td> <td>18 (9%)</td> <td>63 (34%)</td> <td><b>189</b></td> </tr> <tr> <td>OFI</td> <td>132 (56%)</td> <td>11 (5%)</td> <td>92 (39%)</td> <td><b>235</b></td> </tr> <tr> <td rowspan="2">ISMS</td> <td>NCR</td> <td>7 (54%)</td> <td>0 (0%)</td> <td>6 (46%)</td> <td><b>13</b></td> </tr> <tr> <td>OFI</td> <td>13 (50%)</td> <td>3 (12%)</td> <td>10 (38%)</td> <td><b>26</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>(c) meminta TWP bersama Timbalan Penyelaras Audit Dalaman (TPAD) PTJ masing-masing melaksanakan pemantauan dan tindakan bagi penutupan penemuan Audit Dalaman (NCR dan OFI) Tahun 2020 mengikut tarikh cadangan yang dinyatakan dalam PortalCQA.</p> <p>(d) mengambil maklum pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2021 bagi semua PTJ yang dijadualkan bermula 1 Mac 2021 hingga 31 Mei 2021 telah dianjak kepada 1 April 2021 hingga 30 Jun 2021 mengambil kira pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 13 Januari 2021. Selain daripada itu, anjakan tarikh ini juga dibuat berdasarkan perubahan terkini tarikh Audit Pensijilan Semula SIRIM QMS dan ISMS pada 29 November hingga 10 Disember 2021.</p> <p>(e) mengambil maklum berkaitan aliran proses pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS PTJ Tahun 2021 sebagaimana yang diperincikan dalam Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman UPM yang akan diedarkan dalam masa terdekat kepada semua PTJ. Justeru, semua PTJ adalah diminta melaksanakan audit dalam mengikut tempoh terkini iaitu mulai 1 April hingga 30 Jun 2021.</p>	ISO	Kategori	Status			JUMLAH	Tutup	Belum Tutup (dalam tempoh)	Belum Tutup (lebih tempoh)	QMS	NCR	108 (57%)	18 (9%)	63 (34%)	<b>189</b>	OFI	132 (56%)	11 (5%)	92 (39%)	<b>235</b>	ISMS	NCR	7 (54%)	0 (0%)	6 (46%)	<b>13</b>	OFI	13 (50%)	3 (12%)	10 (38%)	<b>26</b>	<b>Makluman</b>
ISO	Kategori			Status				JUMLAH																									
		Tutup	Belum Tutup (dalam tempoh)	Belum Tutup (lebih tempoh)																													
QMS	NCR	108 (57%)	18 (9%)	63 (34%)	<b>189</b>																												
	OFI	132 (56%)	11 (5%)	92 (39%)	<b>235</b>																												
ISMS	NCR	7 (54%)	0 (0%)	6 (46%)	<b>13</b>																												
	OFI	13 (50%)	3 (12%)	10 (38%)	<b>26</b>																												
		<b>TWP PP, TWP PTJ</b>																															
		<b>Makluman</b>																															
		<b>TWP PP, TWP PTJ</b>																															

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																		
Minit 50.5	<p><b>Laporan Pencapaian Objektif ISO</b></p> <p><b>50.5.1 - Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum tiga (3) jenis objektif kualiti yang akan menterjemahkan pencapaian yang dihasratkan menerusi Sistem Pengurusan Kualiti adalah seperti berikut:</p> <p><b>(a) Laporan Pencapaian <i>Key Performance Indicator (KPI)</i> Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2020</b></p> <p>(i) mengambil maklum laporan pencapaian KPI tahun 2020 adalah seperti <b>Lampiran Agenda 6 (a)</b> (i) yang dibentang. Laporan ini merujuk kepada pembentangan semasa Bengkel Pencapaian KPI Sukuan Keempat (Q4) Tahun 2020 dan Penetapan KPI Tahun 2021 pada 25 Januari 2021.</p> <p>(ii) mengambil maklum pencapaian keseluruhan KPI Q4 tahun 2020 berdasarkan 36 KPI yang diukur adalah sebanyak 90.95% iaitu dengan 18 KPI mencapai sasaran 100%, 12 KPI mencapai sasaran sebanyak 75–99%, lima (5) KPI berada pada tahap pencapaian 0-74% dan satu (1) KPI belum dinilai. Pecahan pencapaian KPI Q4 2020 bagi setiap skop adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Komponen</th> <th>Pencapaian (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Akademik &amp; Antarabangsa</td> <td>98.71</td> </tr> <tr> <td>Penyelidikan &amp; Inovasi</td> <td>84.39</td> </tr> <tr> <td>Hal Ehwal Pelajar &amp; Alumni</td> <td>98.02</td> </tr> <tr> <td>Jaringan Industri &amp; Masyarakat</td> <td>98.38</td> </tr> <tr> <td>Sumber Manusia</td> <td>91.80</td> </tr> <tr> <td>Pengurusan Kewangan</td> <td>71.67</td> </tr> <tr> <td>Perkhidmatan Perpustakaan &amp; ICT</td> <td>87.50</td> </tr> <tr> <td>Pertanian</td> <td>89.23</td> </tr> </tbody> </table> <p>(iii) mengambil maklum bahawa cadangan pengukuran KPI tahun 2021 masih di peringkat perbincangan dan belum dimuktamadkan.</p> <p>(iv) mengambil maklum justifikasi dan tindakan pembetulan bagi KPI tahun 2020 yang tidak mencapai sasaran telah dibincangkan semasa Bengkel Pencapaian KPI Sukuan Keempat (Q4) Tahun 2020 dan dalam perhatian dan tindakan peneraju yang terlibat.</p>	Komponen	Pencapaian (%)	Akademik & Antarabangsa	98.71	Penyelidikan & Inovasi	84.39	Hal Ehwal Pelajar & Alumni	98.02	Jaringan Industri & Masyarakat	98.38	Sumber Manusia	91.80	Pengurusan Kewangan	71.67	Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	87.50	Pertanian	89.23	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
Komponen	Pencapaian (%)																			
Akademik & Antarabangsa	98.71																			
Penyelidikan & Inovasi	84.39																			
Hal Ehwal Pelajar & Alumni	98.02																			
Jaringan Industri & Masyarakat	98.38																			
Sumber Manusia	91.80																			
Pengurusan Kewangan	71.67																			
Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	87.50																			
Pertanian	89.23																			

MINIT	AGENDA	TINDAKAN									
	<p><b>(b) Laporan Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2020</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(i) mengambil maklum laporan pencapaian pelan fungsian dan aras bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 serta penetapan sasaran tahun 2021 adalah seperti mana <b>Lampiran Agenda 6 (a)(ii)</b> yang telah dibentang.</p> <p>(ii) mengambil maklum daripada 64 petunjuk prestasi yang diukur, sebanyak 41 petunjuk prestasi mencapai sasaran, 20 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran manakala baki 3 petunjuk prestasi lagi tidak dapat diukur. Pecahan pencapaian petunjuk prestasi berdasarkan skop proses adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses Utama – 72.73%</li> <li>• Proses Sokongan – 66.67%</li> <li>• Proses Operasi Perkhidmatan Sokongan – 61.36%</li> </ul> <p>(iii) mengambil maklum tiga (3) petunjuk prestasi yang tidak dapat diukur beserta justifikasi adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Petunjuk Prestasi</th><th>Justifikasi</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Peratus responden yang memilih skala 4 dan ke atas daripada skala 5 likert</td><td>Pencapaian tahun 2020 tidak dapat diukur kerana Majlis Konvokesyen pada tahun 2020 ditangguhkan berikutan pandemik Covid-19.</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Peratusan penilaian pelanggan mendapat skor min 4.5 daripada 5.0 bagi tempahan perkhidmatan kebudayaan</td><td>Tempahan perkhidmatan kumpulan kebudayaan tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP, PKPP, PKPB.</td></tr> </tbody> </table>	Bil	Petunjuk Prestasi	Justifikasi	1.	Peratus responden yang memilih skala 4 dan ke atas daripada skala 5 likert	Pencapaian tahun 2020 tidak dapat diukur kerana Majlis Konvokesyen pada tahun 2020 ditangguhkan berikutan pandemik Covid-19.	2.	Peratusan penilaian pelanggan mendapat skor min 4.5 daripada 5.0 bagi tempahan perkhidmatan kebudayaan	Tempahan perkhidmatan kumpulan kebudayaan tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP, PKPP, PKPB.	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
Bil	Petunjuk Prestasi	Justifikasi									
1.	Peratus responden yang memilih skala 4 dan ke atas daripada skala 5 likert	Pencapaian tahun 2020 tidak dapat diukur kerana Majlis Konvokesyen pada tahun 2020 ditangguhkan berikutan pandemik Covid-19.									
2.	Peratusan penilaian pelanggan mendapat skor min 4.5 daripada 5.0 bagi tempahan perkhidmatan kebudayaan	Tempahan perkhidmatan kumpulan kebudayaan tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP, PKPP, PKPB.									

MINIT	AGENDA			TINDAKAN
	Bil	Petunjuk Prestasi	Justifikasi	
	3.	Peratus pelajar mencatatkan penilaian > 6.00 (baik) dari skala 10 mata bagi kajian exit survey pelajar tahun akhir	Kajian exit survey Semester Kedua 2019/2020 dan Semester Pertama 2020/2021 yang menggunakan borang soal selidik (OMR) ditangguhkan ekoran aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara maya. Kajian exit survey pelajar tahun akhir 2020 akan dilaksanakan secara atas talian ketika pelajar menghadiri Majlis Konvokesyen tahun 2021.	
	(iv)	meminta peneraju proses yang terlibat melaksanakan tindakan pembetulan / penambahbaikan terhadap petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2020 sebagaimana yang telah dicadangkan. Senarai petunjuk prestasi Pelan Fungsian dan Aras yang tidak mencapai sasaran adalah seperti di <b>Lampiran B.</b>	TWP PNC, TWP TNC HEPA, TWP SPS, TWP Pej. Pendaftar, TWP Pej. Bursar, TWP CQA, TWP PKKSSAAS, TWP PSAS, TWP TPU, TWP PIU, TWP iDEC	

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(v) secara dasarnya bersetuju mengesahkan pencapaian pelan fungsian dan aras tahun 2020 serta penetapan petunjuk prestasi tahun 2021 mengambilkira beberapa penambahbaikan sepetimana berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penurunan sasaran tahun 2021 bagi tiga (3) petunjuk prestasi sedia ada perlu disertakan dengan justifikasi;</li> <li>• Petunjuk prestasi yang telah diukur di peringkat KPI UPM digugurkan daripada pengukuran Pelan Fungsian dan Aras iaitu ‘Peratusan graduan bekerja (termasuk yang melanjutkan pengajian) berdasarkan kelayakan dalam bidang pengajian dalam tempoh 6 bulan bergraduat’; dan</li> <li>• Proses yang dinyatakan dalam prosedur tidak perlu diukur lagi dalam Pelan Fungsian dan Aras iaitu ‘Peratus pelajar dapat mengakses sistem dan mendapat keputusan peperiksaan akhir sehari selepas pengesahan daripada mesyuarat Senat’.</li> </ul> <p><b>(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2020</b></p> <p>(i) Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 yang merangkumi skop Perkhidmatan Utama iaitu Pra Siswazah, Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi serta Proses Sokongan adalah sepetimana pada <b>Lampiran Agenda Agenda 6 (a) (iii)</b> yang telah dibentang.</p> <p>(ii) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 145 piagam pelanggan bagi skop proses utama dan proses sokongan yang telah diukur bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 melibatkan kategori proses pelaksanaan SPK di UPM adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses Utama sebanyak 25 piagam pelanggan dengan 22 mencapai sasaran, dua (2) tidak mencapai sasaran dan satu (1) tidak boleh diukur; dan</li> </ul>	<b>KB PKP</b>
	<p><b>(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2020</b></p> <p>(i) Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 yang merangkumi skop Perkhidmatan Utama iaitu Pra Siswazah, Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi serta Proses Sokongan adalah sepetimana pada <b>Lampiran Agenda Agenda 6 (a) (iii)</b> yang telah dibentang.</p> <p>(ii) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 145 piagam pelanggan bagi skop proses utama dan proses sokongan yang telah diukur bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 melibatkan kategori proses pelaksanaan SPK di UPM adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses Utama sebanyak 25 piagam pelanggan dengan 22 mencapai sasaran, dua (2) tidak mencapai sasaran dan satu (1) tidak boleh diukur; dan</li> </ul>	<b>Makluman</b> <b>Makluman</b>

<b>MINIT</b>	<b>AGENDA</b>	<b>TINDAKAN</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses Sokongan sebanyak 120 piagam melibatkan 34 PTJ dengan 100 mencapai sasaran, 14 tidak mencapai sasaran dan enam (6) belum dapat diukur.</li> </ul> <p>(iii) Mesyuarat mengambil maklum piagam pelanggan skop Proses Utama dan Sokongan yang tidak mencapai sasaran adalah disebabkan oleh pihak bertanggungjawab/pelanggan tidak mematuhi tempoh masa yang ditetapkan, masalah teknikal sistem atas talian serta penularan Pandemic Covid-19 yang menyebabkan kelewatan proses. Manakala bagi piagam pelanggan yang tidak dapat diukur pula adalah disebabkan oleh program tidak dianjurkan ekoran penularan Covid-19 serta tiada permohonan proses sepanjang tempoh pengukuran.</p> <p>(iv) Mesyuarat meminta Peneraju Proses dan Ketua PTJ terlibat melaksanakan tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2020.</p> <p>(v) Mesyuarat memaklumkan mana-mana PTJ yang ingin membuat pindaan terhadap piagam pelanggan supaya berbuat demikian sebelum memasuki tahun baharu 2022 bagi membantu kelancaran proses analisis piagam pelanggan akan datang. Perubahan tersebut juga perlu disahkan oleh Mesyuarat Pengurusan PTJ sebelum dikemukakan kepada pihak Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti.</p>	<b>Makluman</b>  <b>TWP PNC, TWP TNCAA, TWP TNC JIM, TWP SPS, TWP P. BURSAR, TWP PPPA, TWP PKU, TWP PUPM, TWP INTL, TWP PPUU</b>  <b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN								
	<p><b>50.5.2 - Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2020</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan pencapaian objektif ISMS bagi tahun 2020 dan cadangan penetapan objektif ISMS bagi tahun 2021 adalah seperti pada <b>Lampiran Agenda 6 (b)</b> yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum terdapat tiga (3) objektif ISMS yang telah diukur pada tahun 2020 iaitu dua (2) objektif mencapai sasaran manakala satu (1) tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Objektif yang tidak mencapai sasaran adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Petunjuk Prestasi</th><th>Sasaran &amp; Pencapaian</th><th>Peneraju</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik</td><td>80 % <b>(76.22%)</b></td><td>Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti (Pusat Pembangunan Akademik)</td></tr> </tbody> </table> <p>(c) mengambil maklum bahawa punca serta tindakan pembetulan bagi ketidakcapaian satu (1) objektif ISMS tahun 2020 ini telah dikenalpasti dan akan diambil tindakan oleh peneraju proses terlibat sebagaimana yang dinyatakan di <b>Lampiran C</b>.</p> <p>(d) bersetuju meluluskan pengekalan tiga (3) objektif keselamatan maklumat beserta sasaran sedia ada bagi tahun 2021 untuk diambil tindakan pemantauan oleh pasukan peneraju ISMS berdasarkan kaedah pengukuran yang ditetapkan seperti pada <b>Lampiran Agenda 6 (b)</b>.</p>	Bil	Petunjuk Prestasi	Sasaran & Pencapaian	Peneraju	1.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80 % <b>(76.22%)</b>	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti (Pusat Pembangunan Akademik)	<b>Makluman</b> <b>Makluman</b> <b>TWP CADe</b> <b>TWP ISMS, Peneraju ISMS</b>
Bil	Petunjuk Prestasi	Sasaran & Pencapaian	Peneraju							
1.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80 % <b>(76.22%)</b>	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti (Pusat Pembangunan Akademik)							
Minit 50.6	<p><b>Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO</b></p> <p><b>50.6.1 - Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS 2020</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum pelaporan maklum balas pihak berkepentingan QMS 2020 yang merangkumi tiga (3) skop utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri dan Masyarakat sebagaimana <b>Lampiran Agenda 7(a)</b> yang telah dibentang dengan keterangan seperti berikut:</p>	<b>Makluman</b>								

MINIT	AGENDA	TINDAKAN														
	<p>(a) penyelarasan maklum balas pihak berkepentingan pada Kajian Maklum Balas Pihak Berkepentingan telah dilaksanakan mulai Mac hingga Oktober 2020 seperti jadual berikut :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>SKOP</th><th>PIHAK BERKEPENTINGAN</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pengajaran dan Pembelajaran</td><td>Bakal Pelajar Pelajar Tahun 2 Penaja</td></tr> <tr> <td>Penyelidikan dan Inovasi</td><td>Penyelidik Industri</td></tr> <tr> <td>Jaringan Industri dan Masyarakat</td><td>Staf Industri Komuniti</td></tr> </tbody> </table> <p>(b) Maklum balas <b>Skop Pengajaran dan Pembelajaran</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori Responden &amp; Bilangan</th><th>Indeks Kepuasan Keseluruhan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelajar = 728</td><td>Sederhana dan program pengajian serta kemudahan yang disediakan di UPM berada pada tahap sangat perlu penambahbaikan.</td></tr> <tr> <td>Penaja = 19</td><td>Sederhana dan kelancaran kerjasama antara pihak universiti dengan penaja berada pada tahap sangat perlu penambahbaikan.</td></tr> </tbody> </table> <p>(c) Cadangan untuk meningkatkan <b>tahap kepuasan pelajar terhadap program pengajian khususnya kemudahan yang disediakan di UPM</b> yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) memastikan proses pendaftaran kursus setiap semester adalah mudah dan tidak membebankan;</li> <li>(ii) memastikan kemudahan yang disediakan bagi Orang Kurang Upaya mencukupi;</li> <li>(iii) memastikan capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan;</li> <li>(iv) memastikan perkhidmatan pengangkutan bas yang disediakan mudah diperoleh; dan</li> <li>(v) memastikan kemudahan asas penginapan (kolej) mencukupi.</li> </ul>	SKOP	PIHAK BERKEPENTINGAN	Pengajaran dan Pembelajaran	Bakal Pelajar Pelajar Tahun 2 Penaja	Penyelidikan dan Inovasi	Penyelidik Industri	Jaringan Industri dan Masyarakat	Staf Industri Komuniti	Kategori Responden & Bilangan	Indeks Kepuasan Keseluruhan	Pelajar = 728	Sederhana dan program pengajian serta kemudahan yang disediakan di UPM berada pada tahap sangat perlu penambahbaikan.	Penaja = 19	Sederhana dan kelancaran kerjasama antara pihak universiti dengan penaja berada pada tahap sangat perlu penambahbaikan.	Makluman
SKOP	PIHAK BERKEPENTINGAN															
Pengajaran dan Pembelajaran	Bakal Pelajar Pelajar Tahun 2 Penaja															
Penyelidikan dan Inovasi	Penyelidik Industri															
Jaringan Industri dan Masyarakat	Staf Industri Komuniti															
Kategori Responden & Bilangan	Indeks Kepuasan Keseluruhan															
Pelajar = 728	Sederhana dan program pengajian serta kemudahan yang disediakan di UPM berada pada tahap sangat perlu penambahbaikan.															
Penaja = 19	Sederhana dan kelancaran kerjasama antara pihak universiti dengan penaja berada pada tahap sangat perlu penambahbaikan.															
		TWP PEJ. TNCAA														

MINIT	AGENDA	TINDAKAN						
	<p>(d) Cadangan untuk meningkatkan <b>tahap kepuasan pihak penaja terhadap proses kelancaran kerjasama dengan pihak universiti</b> yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) memastikan pihak universiti sentiasa menghantar keputusan semester kepada penaja;</li> <li>(ii) memastikan penyampaian keputusan semester pelajar kepada penaja dibuat dalam tempoh yang munasabah;</li> <li>(iii) memastikan pelajar tajaan bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan; dan</li> <li>(iv) memastikan penyaluran wang tajaan dibuat setelah mendapat keputusan pelajar.</li> </ul> <p>(e) Maklum balas <b>Skop Penyelidikan dan Inovasi</b></p>	<p><b>TWP PEJ. TNCAA</b></p> <p><b>Makluman</b></p>						
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori Responden &amp; Bilangan</th><th>Indeks Kepuasan Keseluruhan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Penyelidik = 73</td><td>Sederhana dan tahap kepuasan penyelidik terhadap perkhidmatan penyelidikan di UPM berada pada tahap sangat perlu penambahanbaikan.</td></tr> <tr> <td>Industri = 10</td><td>Sederhana dan tahap kepuasan pihak industri terhadap perkhidmatan penyelidikan di UPM berada pada tahap sangat perlu penambahanbaikan.</td></tr> </tbody> </table>	Kategori Responden & Bilangan	Indeks Kepuasan Keseluruhan	Penyelidik = 73	Sederhana dan tahap kepuasan penyelidik terhadap perkhidmatan penyelidikan di UPM berada pada tahap sangat perlu penambahanbaikan.	Industri = 10	Sederhana dan tahap kepuasan pihak industri terhadap perkhidmatan penyelidikan di UPM berada pada tahap sangat perlu penambahanbaikan.	
Kategori Responden & Bilangan	Indeks Kepuasan Keseluruhan							
Penyelidik = 73	Sederhana dan tahap kepuasan penyelidik terhadap perkhidmatan penyelidikan di UPM berada pada tahap sangat perlu penambahanbaikan.							
Industri = 10	Sederhana dan tahap kepuasan pihak industri terhadap perkhidmatan penyelidikan di UPM berada pada tahap sangat perlu penambahanbaikan.							
	<p>(f) Cadangan untuk meningkatkan <b>tahap kepuasan penyelidik terhadap perkhidmatan penyelidikan di UPM</b> yang boleh dilaksanakan oleh Pejabat TNCPI adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) membantu penyelidik dalam proses penerbitan jurnal berimpak tinggi;</li> <li>(ii) membantu penyelidik dalam proses menghasilkan artikel yang berkualiti;</li> <li>(iii) meningkatkan lagi peruntukan dana untuk penyelidik melaksanakan projek penyelidikan;</li> <li>(iv) meningkatkan lagi kefahaman penyelidik mengenai glosari MyRA;</li> <li>(v) memastikan sistem atas talian yang disediakan oleh penaja adalah stabil;</li> <li>(vi) memastikan sistem atas talian yang disediakan oleh penaja adalah mesra pengguna; dan</li> <li>(vii) memastikan sistem atas talian yang disediakan oleh penaja geran memberi maklumat yang mencukupi berkenaan dengan geran penyelidikan.</li> </ul>	<p><b>TWP PEJ. TNCPI</b></p>						



MINIT	AGENDA	TINDAKAN								
	<p>(g) Cadangan untuk meningkatkan <b>tahap kepuasan pihak industri terhadap perkhidmatan penyelidikan di UPM</b> yang boleh dilaksanakan oleh Pejabat TNCPI adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) memastikan pegawai/staf memberikan penerangan berkenaan kontrak dengan jelas;</li> <li>(ii) memastikan pegawai/staf bersikap profesional sepanjang pengurusan perundingan perniagaan;</li> <li>(iii) memastikan pegawai/staf mempunyai pengetahuan terhadap proses pengurusan perundingan;</li> <li>(iv) memastikan pegawai/staf mempunyai berkemahiran bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa perundingan perniagaan;</li> <li>(v) memastikan pegawai/staf bersikap profesional sepanjang pengurusan projek;</li> <li>(vi) memastikan pegawai/staf memberi tahu berkenaan geran-geran pengkomersilan harta intelek kepada industri; dan</li> <li>(vii) memastikan pegawai/staf mempunyai pengetahuan berkenaan pembiayaan dan memperkenalkan pembiayaan kepada industri.</li> </ul>	TWP PEJ. TNCPI								
	<p>(h) Maklum balas <b>Jaringan Industri dan Masyarakat</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Kategori Responden &amp; Bilangan</th><th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Indeks Kepuasan Keseluruhan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Staf = 153</td><td style="text-align: center;">Perlu penambahbaikan</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Industri = 56</td><td style="text-align: center;">Memberansangkan dan perlu penambahbaikan</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Komuniti = 56</td><td style="text-align: center;">Memberansangkan dan perlu penambahbaikan</td></tr> </tbody> </table>	Kategori Responden & Bilangan	Indeks Kepuasan Keseluruhan	Staf = 153	Perlu penambahbaikan	Industri = 56	Memberansangkan dan perlu penambahbaikan	Komuniti = 56	Memberansangkan dan perlu penambahbaikan	<b>Makluman</b>
Kategori Responden & Bilangan	Indeks Kepuasan Keseluruhan									
Staf = 153	Perlu penambahbaikan									
Industri = 56	Memberansangkan dan perlu penambahbaikan									
Komuniti = 56	Memberansangkan dan perlu penambahbaikan									
	<p>(i) Cadangan untuk meningkatkan <b>tahap kepuasan staf dalam melaksanakan program/aktiviti di UPM</b> yang boleh dilaksanakan oleh Pejabat JINM adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) paparan sistem ICRIS perlu mesra pengguna;</li> <li>(ii) Sistem ICRIS perlu mudah diakses;</li> <li>(iii) panduan penggunaan ICRIS perlu lebih mudah difahami;</li> <li>(iv) kemudahan dan sumber perlu ditambah ketika pelaksanaan program; dan</li> <li>(v) memastikan pelajar dapat ditempatkan untuk lathan industri.</li> </ul>	TWP PEJ. TNCJINM								

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(j) Cadangan untuk meningkatkan <b>tahap kepuasan industri yang boleh dilaksanakan oleh Pejabat JINM</b> adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) promosi program perlu mudah dilihat di media cetak;</li> <li>(ii) laman web UPM perlu mempamerkan maklumat program / projek dengan lebih terperinci;</li> <li>(iii) memastikan maklumat bidang kepakaran yang dipaparkan di laman web UPM mencukupi; dan</li> <li>(iv) penerangan dan penyesuaian lebih terperinci dalam aplikasi ilmu di UPM terhadap syarikat terlibat.</li> </ul> <p>(k) Cadangan untuk meningkatkan <b>tahap kepuasan komuniti dalam pelaksanaan program / aktiviti JINM</b> adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) memastikan maklumbalas daripada pakar mudah diperolehi;</li> <li>(ii) portal berkaitan program komuniti perlu lebih mudah dicapai;</li> <li>(iii) penglibatan masyarakat pelbagai peringkat umur dan bangsa dalam aktiviti;</li> <li>(iv) maklumat pada bahan edaran perlu lebih detail tentang aktiviti yang dijalankan;</li> <li>(v) informasi program perlu lebih mudah difahami; dan</li> <li>(vi) maklumat program dalam promosi aktiviti perlu ditambah.</li> </ul> <p>(l) Mesyuarat mengambil maklum rumusan kajian maklum balas pihak berkepentingan bagi tahun 2020 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) hasil maklumbalas peneraju pada tahun 2020, mendapati Kajian Maklumbalas Pihak Berkepentingan hanya dapat dilaksanakan kepada tujuh (7) pihak berkepentingan sahaja seperti berikut :</li> </ul>	TWP PEJ. TNCJINM
		TWP PEJ. TNCJINM
		<b>Makluman</b>

SKOP	PIHAK BERKEPENTINGAN
Pengajaran dan Pembelajaran	Pelajar Penaja
Penyelidikan dan Inovasi	Penyelidik Industri
Jaringan Industri dan Masyarakat	Staf Industri Komuniti

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(ii) pihak peneraju telah diberi tempoh masa yang sesuai bagi pelaksanaan Kajian Maklum balas Pihak Berkepentingan; dan</p> <p>(iii) didapati jumlah responden bagi setiap skop adalah meningkat jika dibandingkan dengan tahun sebelum; serta</p> <p>(iv) mesyuarat mencadangkan peneraju boleh menyenaraikan pihak-pihak berkepentingan lain sekiranya ada bagi tujuan pelaksanaan kajian maklum balas pihak berkepentingan yang akan datang.</p>	<b>Makluman</b> <b>Makluman</b> <b>Peneraju yang berkenaan</b>
